



10 CIRI PEMBIMBING BERKESAN

Oleh:
WAN SANIAH WAN YAHYA
KAUNSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS





Sikap suka tolong menolong dan saling memberi bimbingan ke arah kebaikan merupakan satu amalan yang mulia. Justeru bagi membantu anda menjadi pembimbing yang baik, berikut disenaraikan 10 ciri pembimbing berkesan untuk diamalkan bersama. Semoga kita semua menjadi masyarakat yang prihatin dan penyayang... Selamat membaca!



1. Kemahiran berkomunikasi

Komunikasi lisan

- Menggunakan bahasa yang jelas dan mudah difahami oleh orang yang dibimbing
- Maklumat yang disampaikan perlulah jelas dan tepat

Komunikasi bukan lisan

- Penggunaan kontak mata yang sesuai serta menggambarkan perhatian anda terhadap orang yang dibimbing
- Gerak geri badan harus menunjukkan bahawa anda ikhlas dalam memberikan pertolongan



2. Kemahiran mendengar

Seseorang pembimbing perlu menunjukkan kesungguhan dalam memahami perasaan, pandangan atau pemikiran yang hendak disampaikan oleh orang yang dibimbing sama ada secara lisan atau bukan lisan



3. Kebolehan menyimpan rahsia

- ☞ **Kerahsiaan merupakan aspek yang amat penting dan memerlukan perhatian yang serius.**
- ☞ **Kepercayaan yang diberikan oleh orang lain terhadap diri kita tidak seharusnya disia-siakan**



4. Empati

- Empati bermaksud seseorang itu benar benar memahami situasi yang dialami oleh orang yang dibimbing seolah-olah dia sendiri yang mengalami perkara tersebut
- Ia juga bermaksud seseorang itu cuba meletakkan dirinya pada permasalahan yang dihadapi oleh orang yang dibimbing



5. Berfikiran terbuka

Berfikiran terbuka bererti dapat menerima orang lain tanpa sebarang syarat walaupun perkara yang akan diperkatakan adalah diluar jangkaan



6. Yakin dan bersedia

- Sifat yakin diri menyebabkan orang lain akan lebih menghormati diri kita.
- Sentiasa bersedia untuk memberikan pertolongan terhadap orang lain tanpa mengira bangsa dan agama.




7. Ikhlas dan Jujur

- ◆ Sebagai seorang pembimbing kita hendaklah sentiasa ikhlas dalam memberi bimbingan tanpa mengharapkan sebarang balasan
- ◆ Sentiasa jujur dalam memberikan pertolongan tanpa ada niat lain disebalik pertolongan yang diberikan



Emm.. Kalau dulu orang
sebut udang di sebalik batu...
sekarang nie... udang di
sebalik kueteow korporatlah
agaknye...



8 . Non-judgemental



Tidak mudah membuat penilaian terhadap seseorang terutama ketika pertama kali bertemu

*Berkatalah kepada manusia dengan kata-kata yang baik
Al-Baqarah : Ayat 83*



9. Humor

Sifat semula jadi pembimbing yang sentiasa mesra dan boleh menimbulkan suasana ceria dapat membantu meningkatkan hubungan menolong yang berkualiti



10. Bertanggungjawab

Memberikan bimbingan dan pertolongan terhadap orang lain adalah satu amanah yang harus dipikul dengan penuh kesungguhan dan rasa tanggungjawab



*Barangsiapa berjalan menolong
saudaranya dan memberi jasa
kepadanya maka untuknya pahala
orang-orang yang berjihad di jalan
Allah*



Sekian

Semoga apa yang telah dipaparkan akan menambahkan lagi ilmu pengetahuan kita bersama ...JUMPA LAGI!

Unit Kaunseling UniMAP
04-9798038/012-5596314

